

# Untung sebelum cukai Matrix RM62.82 juta

KUALA LUMPUR 15 Nov.

- Pemaju harta tanah dari Negeri Sembilan, Matrix Concepts Holdings Bhd. mencatatkan keuntungan sebelum cukai untuk suku kedua berakhir 30 September 2016 sebanyak RM62.82 juta.

Syarikat itu dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia hari ini, melaporkan pendapatannya bagi suku di bawah kajian adalah sebanyak RM224.85 juta.

Dalam satu kenyataan berasingan, Pengurus Matrix, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, walaupun sektor harta tanah agak perlahan, syarikat terus membuktikan bahawa ia masih mampu menjadi destinasi pilihan pembeli.

“Kami agak komited untuk mencapai sasaran jualan baharu kami iaitu sebanyak RM1 bilion bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2017.

“Ini tidak mustahil melihat kepada lokasi kami yang strategik dan rekod pembinaan rumah kami yang menawarkan harga berpatutan dengan ciri-ciri tersendiri, Matrix Concepts juga berhasrat untuk melancarkan projek-projek baharu dengan nilai lebih kurang RM550 juta untuk sepanjang tahun kewangan 2017,” katanya.

Kumpulan itu telah melancarkan sejumlah projek bernilai RM727.4 juta terdiri daripada harta tanah kediaman dan komersial di Negeri Sembilan serta Johor, lebih tinggi daripada RM447.0 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Jualan belum dibil meningkat kepada rekod tertinggi iaitu sebanyak RM765.3 juta pada 30 September 2016, yang akan diiktiraf sehingga 2018. - BERNAMA